

Polisi

ALLIANZ TRAVEL EASY (DOMESTIK)

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Allianz 

Melindungi anda dari A-Z

Jadual Faedah-Faedah – Domestik

		Dewasa	Warga Emas	Kanak-Kanak	Keluarga		
		Dewasa Tahunan		Kanak-kanak tahunan			
Faedah		(RM)					
(A) Faedah Kemalangan Diri							
Seksyen 1	1	Kematian akibat Kemalangan (Jumlah Diinsuranskan)	100,000	50,000	300,000		
	2	Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan (sehingga)					
	3	Perbelanjaan Pengebumian (sehingga)	5,000	5,000	9,000		
(B) Faedah Berkaitan Perubatan (disebabkan oleh kemalangan sahaja)							
Seksyen 2	1	Perbelanjaan Perubatan (sehingga)	15,000	7,500	45,000		
			Perubatan Alternatif tertakluk kepada sub-limit RM500				
Seksyen 3	1	Pemindahan Perubatan Kecemasan (sehingga)	1,000,000	1,000,000	1,000,000		
	2	Repatrasi Rawatan Kecemasan (sehingga)					
	3	Repatrasi Jenazah (sehingga)					
	4	Rawatan susulan (sehingga) (maksima 45 hari)	6,000	3,000	20,000		
			Perubatan Alternatif tertakluk kepada sub-limit RM500				
	5	Pendapatan Hospital (sehingga)	100 sehari sehingga 3,000	50 sehari sehingga 1,500	260 sehari sehingga 8,000		
	6	Faedah Lawatan Ehsan (disebabkan, Kecederaan atau Kematian Orang Yang Diinsuranskan) (sehingga)	2,000	2,000	4,000		
	7	Penghantaran Ubat ubatan (sehingga)	2,000	2,000	2,000		
(C) Faedah Kesulitan Perjalanan							
Seksyen 4	1	Kelewatan Bagasi (sehingga)	100	100	200		
			(Min 6 jam)				
Seksyen 5	1	Kelewatan Perjalanan	100 setiap 6 jam sehingga 1,500	100 setiap 6 jam sehingga 1,500	200 setiap 6 jam sehingga 2,500		
Seksyen 6	1	Keganasan	Dilindungi				
(D) Sukan Tambahan - Rider Pilihan (Dengan Premium Tambahan)							
Seksyen 7 (A)	1	Aktiviti Sukan	Ada	Tiada	Ada		
Seksyen 7 (B)	1	Kerosakan Peralatan Sukan (sehingga)	300		300		
(E) 24/7 Bantuan Perjalanan Domestik		Termasuk					

Nota: Di bawah pelan keluarga, pembayaran setiap individu akan berdasarkan had di bawah pelan dewasa dan/atau pelan kanak-kanak, mengikut mana-mana yang berkenaan, tertakluk kepada had maksima seperti yang dinyatakan dalam jadual faedah.

Allianz Travel Easy (Domestik)

Sebagai balasan terhadap premium yang diterima, **Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)** ("Syarikat") akan membayar ganti rugi Anda sekiranya terdapat mana-mana kejadian yang mungkin belaku yang dilindungi semasa Tempoh Insurans seperti yang dinyatakan dalam jadual faedah dalam Bahagian 2 di bawah, tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di sini atau diendorskan di sini.

BAHAGIAN 1 – FAEDAH-FAEDAH

Faedah-faedah berikut perlu dibayar sehingga Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan/jumlah faedah berkaitan yang ditentukan dalam jadual faedah menurut jenis pelan Anda, tertakluk kepada terma dan syarat polisi ini.

Untuk mengelakkan keraguan, had maksima bagi setiap individu di bawah pelan keluarga hendaklah berdasarkan had di bawah pelan dewasa dan/atau pelan kanak-kanak, mengikut mana-mana yang berkenaan, tertakluk kepada had maksima agregat untuk faedah yang berkaitan di bawah pelan keluarga seperti yang dinyatakan dalam jadual faedah.

(A) FAEDAH KEMALANGAN DIRI

Di dalam faedah berbayar di bawah Seksyen 1.1 dan 1.2, jika lebih daripada seorang Orang Yang Diinsuranskan dilindungi, tanggungan maksimum liabiliti agregat untuk semua Orang Yang Diinsuranskan menaiki Pengangkut Berjadual atau menggunakan perkhidmatan pengangutan awam tidak akan melebihi had sebanyak RM500 juta atau jumlah agregat pampasan dibayar kepada Orang Yang Diinsuranskan itu, mengikut mana-mana yang lebih rendah.

SEKSYEN 1.1 – KEMATIAN DISEBABKAN KEMALANGAN

(a) Sekiranya berlaku Kemalangan semasa dalam Perjalanan/Lawatan semasa Tempoh Insurans menyebabkan Kecederaan yang mengakibatkan kematian Anda dalam tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari dari tarikh Kemalangan, Kami akan membayar faedah kematian mengikut peratusan Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam Skala Faedah.

SEKSYEN 1.2 – HILANG UPAYA KEKAL AKIBAT KEMALANGAN

(a) Sekiranya berlaku Kemalangan semasa dalam Perjalanan/Lawatan semasa Tempoh Insurans yang menyebabkan Kecederaan yang mengakibatkan Hilang Upaya Kekal (disahkan oleh Pengamal Perubatan) dalam tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari dari tarikh Kemalangan, Kami akan membayar faedah Hilang Upaya Kekal mengikut peratusan Jumlah Diinsuranskan bagi Jenis Kehilangan Upaya Kekal yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Skala Faedah.

Skala Faedah

(i)	Kematian disebabkan Kemalangan	100% Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan bagi setiap Orang Diinsuranskan
(ii)	Hilang Upaya Kekal disebabkan Kemalangan	
	Lumpuh Kekal dari leher ke bawah	100% Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan bagi setiap Orang Diinsuranskan
(ii)	Hilang dua belah lengan/kaki (dari buku lali atau pergelangan ke bawah)	

	Hilang kekal penglihatan kedua-duanya (mata atau pendengaran)	100% Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan bagi setiap Orang Diinsuranskan
(ii)	Hilang penglihatan sebelah mata atau pendengaran sebelah telinga dan satu anggota badan	
	Hilang penglihatan sebelah mata/sebelah telinga	
Hilang sebelah lengan/kaki (dari buku lali atau pergelangan ke bawah)		50% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan
Hilang daya bertutur		

- (a) Sekiranya berlaku satu (1) Kemalangan menyebabkan lebih dari satu (1) kecacatan yang dinyatakan dalam Skala Faedah dialami oleh Anda, Kami tidak akan membuat bayaran lebih daripada satu (1) faedah dan Kami hanya akan membayar peratusan yang tertinggi daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan.
- (b) Agregat bagi semua peratusan yang akan dibayar di bawah Skala Faedah untuk mana-mana kemalangan semasa Tempoh Insurans tidak melebihi seratus peratus (100%) daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan;
- (c) Sekiranya seratus peratus (100%) daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan yang telah dibayar dalam Tempoh Insurans, semua perlindungan di bawah polisi Orang Yang Diinsuranskan yang berkaitan akan terhenti berkuatkuasa secara serta-merta dan selepas pembayaran seratus peratus (100%) daripada jumlah yang diinsuranskan, tanggungan Syarikat akan dilepaskan sepenuhnya di bawah polisi yang berkaitan. Walau bagaimanapun, perlindungan untuk Orang Yang Diinsuranskan yang lain yang dinamakan dalam jadual/e-jadual, yang berkaitan, tidak akan terjejas.

SEKSYEN 1.3 – PERBELANJAAN PENGEBUMIAN

Jika Anda mengalami kematian akibat Kemalangan semasa Perjalanan/Lawatan, Kami akan membayar kos perbelanjaan yang dilakukan untuk urusan pengebumian.

(B) FAEDAH BERKAITAN PERUBATAN

SEKSYEN 2 – PERBELANJAAN PERUBATAN

Jika Anda mengalami kematian, atau Kecederaan semasa Perjalanan/Lawatan, Kami akan membayar balik bayaran atau kos atau perbelanjaan yang munasabah untuk:

- (a) Kos perubatan, pembedahan, hospital atau rumah penjagaan;
- (b) Rawatan pergigian atau pembedahan kecemasan yang diperlukan akibat Kecederaan yang dialami dalam Kemalangan yang disahkan oleh doktor gigi secara bertulis;
- (c) Bayaran yuran ambulans;
- (d) Sebarang caj untuk rawatan Perubatan Alternatif tertakluk kepada sub limit sebanyak RM500 dan
- (e) Jika terdapat bayaran tambahan untuk menukar tiket penerbangan balik Anda ke tarikh lain atau kos untuk membeli tiket penerbangan balik yang baru sekiranya Pengangkut Berjadual tidak boleh menukar tarikh pada tiket yang asal, dengan syarat:
 - (i) Anda dimasukkan ke hospital pada tarikh dijadualkan untuk pulang;
 - (ii) Pengamal Perubatan yang mengesahkan secara bertulis bahawa Anda tidak sesuai untuk pulang pada tarikh dijadualkan; dan
 - (iii) kelas tiket penerbangan balik yang baru dibeli tidak lebih tinggi daripada kelas tiket penerbangan balik yang asal.

SEKSYEN 3 – PERBELANJAAN PERUBATAN LAIN

Proviso ini hanya berkaitan dengan Seksyen 3.1, 3.2 dan 3.3

- (a) Kami akan mengatur perkhidmatan ini melalui Wakil Kami Yang Dibenarkan untuk membantu Anda di dalam kecemasan semasa Anda berada dalam Perjalanan/Lawatan. Anda boleh mengaktifkan perkhidmatan ini dengan menghubungi talian telefon kecemasan dua puluh empat (24jam) dengan panggilan secara pindah bayar.
- (b) Semua keputusan mengenai cara pengangkutan dan destinasi terakhir akan ditentukan oleh Kami atau Wakil Kami Yang Dibenarkan, yang berunding dengan Kami, dan hanya berdasarkan keperluan perubatan semata-mata setelah meneliti semua fakta dan keadaan yang Kami ketahui pada waktu tersebut.
- (c) Had maximum yang perlu dibayar di bawah Seksyen 3.1 Permindaan Perubatan Kecemasan, 3.2 Repatriasi Rawatan Kecemasan dan 3.3 Repatriasi Jenazah hendaklah diagregatkan dan tidak melebihi had maksimum yang dinyatakan dalam jadual faedah.

SEKSYEN 3.1 – PERMIINDAHAN PERUBATAN KECEMASAN

- (a) Sekiranya Anda dimasukkan ke hospital untuk Keadaan Penyakit Serius akibat Kemalangan, namun kemudahan perubatan tempatan tidak mencukupi, Wakil Kami Yang Dibenarkan akan menguruskan pemindahan perubatan terdekat dibawah seliaan perubatan yang berterusan.

SEKSYEN 3.2 – REPATRIASI RAWATAN KECEMASAN

- (a) Sekiranya Anda mengalami kecederaan, Wakil Kami Yang Dibenarkan akan berunding dengan Pengamal Perubatan tempatan, yang akan menentukan rawatan bagi Keadaan Penyakit Serius yang dialami oleh Anda harus diteruskan di pusat perubatan berhampiran dengan Rumah dan apabila keadaan Anda telah stabil, Wakil Kami Yang Dibenarkan akan menguruskan penghantaran balik di bawah seliaan perubatan yang berterusan.

SEKSYEN 3.3 – REPATRIASI JENAZAH

- (a) Sekiranya kematian Anda disebabkan Kemalangan semasa Perjalanan/Lawatan, Wakil Kami Yang Dibenarkan akan mengatur proses pengebumian atau pembakaran mayat di tempat kejadian di mana kematian berlaku termasuk kos pengangkutan yang munasabah untuk jasad atau abu ke Rumah.

SEKSYEN 3.4 – RAWATAN SUSULAN

- (a) Sekiranya Anda memerlukan rawatan susulan akibat Kemalangan yang dialami semasa Perjalanan/Lawatan dan menanggung perbelanjaan perubatan dan hospital dalam masa empat puluh lima (45) hari selepas Anda pulang ke Rumah, Kami akan membayar balik untuk kos perbelanjaan rawatan susulan yang dilakukan (termasuk bayaran ambulans dan caj rumah jagaan). Rawatan Alternatif adalah tertakluk kepada sublimit RM500) sehingga Orang yang Diinsuranskan pulang ke rumah dari Perjalanan/ lawatan.

SEKSYEN 3.5 – PENDAPATAN HOSPITAL

- (a) Sekiranya Anda dimasukkan ke hospital sebagai pesakit dalam akibat Kemalangan semasa Perjalanan/Lawatan, Kami akan membayar untuk setiap tempoh dua puluh empat (24) jam ketika berada di dalam hospital dalam tempoh Perjalanan/Lawatan.

SEKSYEN 3.6 – MANFAAT KUNJUNGAN IHSAN (DISEBABKAN KECEDERAAN ATAU KEMATIAN ORANG DIINSURANSKAN)

- (a) Sekiranya Anda dimasukkan ke hospital akibat Kemalangan semasa dalam Perjalanan/Lawatan, Kami akan membayar untuk penginapan tambahan dan perbelanjaan perjalanan yang munasabah untuk satu (1) ahli keluarga atau rakan untuk melakukan perjalanan atau menyertai perjalanan dengan Anda dan untuk tinggal bersama Anda atas nasihat perubatan oleh Pengamal Perubatan yang merawat Anda.
- (b) Sekiranya berlaku kematian Anda akibat Kemalangan semasa Perjalanan/Lawatan dan tiada ahli keluarga yg dewasa bersama dengan Anda pada masa itu, Kami akan membayar kos bayaran balik bagi penginapan tambahan dan perbelanjaan perjalanan yang munasabah yang dilakukan untuk satu (1) ahli keluarga atau rakan untuk membantu urusan pengebumian atau pembakaran mayat di tempat di mana kematian berlaku.

Faedah ini di bawah Seksyen ini hanya akan dibayar untuk satu (1) tuntutan yang dibuat sekiranya berlaku kematian atau Penyakit atau Kecederaan kepada Anda, tetapi bukan untuk kedua-duanya, untuk manapun satu kejadian.

SEKSYEN 3.7 – PENGHANTARAN UBAT-UBATAN

- (a) Sekiranya penghantaran ubat-ubatan yang diperlukan tidak terdapat dalam kawasan setempat dalam hal kecemasan dan jika undang-undang, syarat-syarat dan peraturan-peraturan tempatan membenarkan penghantaran tersebut, Kami akan membayar kos penghantaran oleh Wakil Kami Yang Dibenarkan untuk setiap satu Perjalanan/Lawatan.
- (b) Kami tidak akan membayar kos ubat-ubatan tersebut.

(C) FAEDAH KESULITAN PERJALANAN

SEKSYEN 4 – KELEWATAN BAGASI

- (a) Sekiranya bagasi yang didaftar masuk ditangguhkan, dikosongkan, diarahkan atau tersalah letak selama sekurang-kurangnya enam (6) jam dari masa ketibaan di destinasi yang dijadualkan, Kami akan membayar untuk pembelian barang penting dan munasabah.
- (b) Kami tidak akan membayar:
 - (i) Jika Anda tidak melaporkan kepada Pengangkut Berjadual dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas mengetahui kehilangan;
 - (ii) untuk sebarang pembelian yang dibuat selepas Anda menerima bagasi anda dari Pengangkut Berjadual.

SEKSYEN 5 – KELEWATAN PERJALANAN

- (a) Sekiranya Pengangkut Berjadual Anda ditangguhkan/dijadualkan semula/dibatalkan selama sekurang-kurangnya enam (6) jam berdasarkan waktu yang ditetapkan dalam tempahan Pengangkut Berjadual, Kami akan membayar setiap enam (6) jam tempoh kelewatan.
- (b) Kelewatan itu mesti disahkan secara bertulis oleh Pengangkut Berjadual atau agen yang berkaitan yang membuktikan jadual perlepasan/waktu ketibaan dan waktu sebenar perlepasan/waktu ketibaan Pengangkut Berjadual.
- (c) Kami tidak akan membayar:
 - (i) Untuk sebarang kelewatan, penjadualan semula atau pembatalan disebabkan tindakan mogok atau tindakan pekerja industri, yang bermula atau diumumkan sebelum Orang Yang Diinsuranskan membeli polisi ini atau diumumkan pada tarikh tiket perjalanan Orang Yang Diinsuranskan atau pengesahan tempahan telah dikeluarkan.

SEKSYEN 6 – PERLINDUNGAN KEGANASAN

Polisi ini diperluaskan untuk melindungi Anda jika mengalami Kecederaan, Kematian dan Hilang Upaya Kekal yang mungkin dialami akibat kegiatan Keganasan yang mana tidak ada liabiliti apabila kegiatan tersebut dan/atau kegiatan keganasan melibatkan penggunaan nuklear, senjata kimia atau senjata biologi ini atau apa-apa cara apabila digabungkan akan menghasilkan kemusnahan secara besar-besaran.

Bagi tujuan seksyen Ini:

- (a) Keganasan bermaksud tindakan atau sebarang tindakan orang perseorangan atau kumpulan, terikat secara politik, berunsur keagamaan, ideologi atau tujuan sama dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletakkan orang atau mana-mana seksyen orang awam, di dalam ketakutan. Keganasan boleh termasuk, tetapi tidak terhad kepada menggunakan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan. Tambahan pula pengganas bagi Keganasan boleh bertindak secara berseorangan atau bagi pihak atau berhubung dengan sebarang organisasi atau kerajaan.
- (b) Penggunaan senjata nuklear untuk kebinasaan secara besar-besaran bermaksud penggunaan apa-apa bahan letupan senjata nuklear atau alat atau pemancaran, pengeluaran, penyebaran, melepaskan atau pembelahan nuklear yang akan memancarkan satu peringkat radioaktif yang boleh melumpuhkan atau menyebabkan kematian di kalangan manusia ataupun haiwan.
- (c) Penggunaan senjata kimia untuk kebinasaan secara besar-besaran bermaksud pemancaran, pengeluaran, penyebaran, melepaskan apa-apa bahan pepejal, cecair atau campuran bahan kimia bergas yang mana apabila disebarluaskan mampu untuk melumpuhkan atau menyebabkan kematian di kalangan manusia ataupun haiwan.
- (d) Penggunaan senjata biologi untuk kebinasaan secara besar-besaran bermaksud pemancaran, pengeluaran, penyebaran, melepaskan apa-apa mikro-organisma berpenyakit (yang boleh mengakibatkan wabak) dan/atau secara biologinya menghasilkan toksin (termasuk pengubahsuai secara genetik organisme dan penghasilan toksin tiruan secara kimia) yang mana mampu untuk melumpuhkan atau menyebabkan kematian dalam kalangan manusia ataupun haiwan.

(D) SUKAN TAMBAHAN (RIDER PILIHAN)

Diperluaskan untuk melindungi Anda yang telah membayar premium tambahan untuk semua faedah, jika belakunya sebarang kejadian yang tidak diingini terhadap Anda semasa aktiviti yang disenaraikan di bawah ini:

SEKSYEN 7 (A) – RIDER PILIHAN 1

Aktiviti Sukan

- (a) Kami akan membayar pampasan di bawah faedah yang berkaitan dengan polisi ini jika kerugian yang dialami oleh Anda adalah disebabkan secara langsung dengan aktiviti sukan berikut yang dijalankan semasa Perjalanan /Lawatan di dalam Malaysia:
 - (i) Sukan Air - berakit, berkanu dan berkayak yang melibatkan arus deras (kelas 4 dan ke bawah), mendayung, kapal layar, aktiviti parasail, melayari, luncur angin (luncur papan), jet ski, selam skuba dan aktiviti bawah air yang melibatkan penggunaan sebarang alat pernafasan tiruan (sehingga kedalaman air (kedalaman 50 meter).
 - (ii) Lain-lain - pendakian (tidak melibatkan penggunaan tali dan peralatan pendakian) sehingga 4,500 meter atau kem manama yang lebih rendah, terjun udara, peluncuran gantung, terjunan bungee, menunggang bola zorb, sephereing, orbing, belon udara panas, kendaraan serba guna (ATV).

- (b) Kami tidak akan membayar:-

- (i) Kami tidak akan membayar jika Anda tidak menitikberatkan keselamatan yang munasabah dan gagal mematuhi semua keperluan keselamatan semasa menjalankan aktiviti sukan yang berkaitan.

SEKSYEN 7 (B) – KEROSAKAN PADA PERALATAN SUKAN

- (a) Sekiranya berlaku sebarang kerosakan pada Peralatan Sukan untuk Aktiviti Sukan yang disenaraikan di bawah Seksyen 7 (A), Kami akan membayar balik kepada Anda bagi apa-apa kos yang munasabah yang ditanggung untuk penggantian atau pemberian Peralatan Sukan, untuk setiap insiden untuk setiap Perjalanan/ Lawatan,
- (b) Kami tidak akan membayar:-
 - (i) Kerugian atau kerosakan akibat haus dan lusuh, atau apa-apa kerosakan semulajadi;
 - (ii) Kerugian atau kerosakan akibat kecurian dari kenderaan tanpa pengawasan melainkan jika ia tidak dapat dilihat di dalam kenderaan yang terkunci sepenuhnya dan tingkapnya ditutup dan ada bukti yang jelas mengenai kemasukan secara paksa;
 - (iii) Kerosakan yang dilindungi oleh waranti pengilang; atau
 - (iv) Kerugian atau kerosakan dimana Anda akan menerima gantian atau pampasan dari Pengangkut Berjadual atau yang lain-lain.

BAHAGIAN 2 SYARAT AM

1. Syarat Terdahulu Bagi Liabiliti

Pelaksanaan dan penunaian terma-terma dan syarat-syarat polisi ini harus dilakukan atau tidak harus dilakukan oleh Anda atau wakil peribadi guaman Anda hendaklah dijadikan syarat-syarat terdahulu kepada sebarang liabiliti syarikat untuk membuat bayaran mengikut polisi ini.

2. Tafsiran

Polisi ini, termasuk permohonan, perakuan, jadual/jadual/Pengendorsan dan pindaan, jika ada hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau ungkapan yang mempunyai maksud tertentu telah dilampirkan, melainkan kontrak tersebut menghendaki makna yang lain, mengkhususkan makna tertentu di mana ia boleh muncul.

3. Pembayaran tuntutan adalah tertakluk kepada dan bersyarat apabila Anda merujuk seperti yang berikut:

- (a) Mengambil langkah berhati-hati dan sewajarnya untuk melindungi diri daripada Kemalangan, Kecederaan, kerugian atau kerosakan seolah-olah insurans ini tidak berkuatkuasa;
- (b) Melaporkan secara bertulis kepada Kami dalam masa tiga puluh (30) hari selepas kembali ke Rumah Anda dengan memberikan butir-butir lengkap tentang sebarang Kemalangan, Kecederaan, kerugian atau kerosakan yang mungkin akan menimbulkan sebarang tuntutan di bawah polisi ini Anda dan wakil guaman Anda perlulah membayai semua perbelanjaan untuk sijil, maklumat dan bukti yang diperlukan oleh Kami;
- (c) Tidak memberi liabiliti atau membuat tawaran atau janji pembayaran disebabkan liabiliti tanpa kebenaran bertulis dari pihak Kami.

4. Pindaan

Kami berhak untuk meminda terma-terma dan syarat-syarat polisi ini dan pindaan tersebut terhadap Polisi ini hanya boleh berlaku oleh Kami dan disahkan disini.

5. Pembaharuan Automatik (Hanya untuk polisi tahunan sahaja)

Sekiranya Anda memilih untuk pembaharuan automatik, tertakluk kepada terma dan syarat polisi ini dan tertakluk kepada pembayaran premium yang perlu dibayar, polisi ini akan diperbaharui pada setiap ulang tahun polisi apabila tamat tempoh melainkan polisi ini ditamatkan menurut perkara 6 (Penamatian).

Walau apa pun pembaharuan untuk polisi ini pada setiap ulang tahun polisi, sekiranya berlaku sebarang perubahan dalam butiran yang diberikan untuk pengunderaitan polisi ini atau sekiranya terdapat sebarang tuntutan yang timbul dalam tempoh sebelum polisi ini diperbaharui, Syarikat berhak untuk menyemak semula terma polisi ini, menyelaraskan premium, menolak pembaharuan atau menamatkan polisi ini.

6. Penamatian

(a) Ini merupakan polisi tahunan dan mungkin akan terbatal disebabkan oleh keadaan yang berikut:

(i) Penamatian oleh Pemegang Polisi

Jika pemegang polisi memberi notis kepada Kami untuk menamatkan polisi ini, penamatian tersebut akan berkuatkuasa pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis itu, atau yang mana-mana yang terlebih dahulu. Sekiranya premium telah dibayar untuk sebarang tempoh yang melebihi tarikh penamatian polisi ini, kadar tempoh pendek akan dipakai dengan syarat tidak terdapat apa-apa tuntutan yang telah dibuat dalam Tempoh Insurans semasa itu.

Skala bagi tempoh kadar pendek berikut hendaklah digunakan:

Tempoh Insurans	Peratusan Premium Tahunan yang Dikenakan
2 Bulan atau kurang	40%
3 Bulan	50%
4 Bulan	60%
5 Bulan	70%
6 Bulan	75%
Lebih 6 Bulan	100%

(ii) Penamatian oleh Syarikat

Kami boleh memberi notis penamatian secara pos berdaftar kepada pemegang polisi di alamat terakhir yang diketahui. Penamatian ini akan berkuatkuasa tujuh (7) hari selepas tarikh notis tersebut. Sekiranya premium telah dibayar bagi sebarang tempoh yang melebihi tarikh penamatian polisi ini, premium secara prorata akan dikembalikan kepada pemegang polisi dengan syarat bahawa tiada tuntutan telah dibuat dalam Tempoh Insurans semasa itu.

- (b) Sekiranya polisi ini bukan polisi tahunan, pemegang polisi boleh menamatkan polisi ini dengan memberikan notis kepada Kami untuk menamatkan polisi ini dengan syarat bahawa Tempoh Insurans tidak bermula semasa tarikh penamatian polisi berkuatkuasa. Penamatian sedemikian akan berkuatkuasa pada tarikh notis diterima atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis sedemikian mana-mana yang terlebih dahulu. Sekiranya premium telah dibayar untuk sebarang tempoh melebihi tarikh penamatian, pemegang polisi berhak mendapat bayaran balik premium yang dibayar untuk polisi ini.
- (c) Peruntukan berikut mengenai penamatian automatik polisi ini, hendaklah diguna pakai dengan sewajarnya kepada polisi tahunan dan polisi bukan tahunan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(d) Penamatian Automatik

Polisi ini akan tamat secara automatik pada waktu tengah malam (waktu piawai Malaysia) pada hari terakhir Tempoh Insurans. Walaubagaimanapun, perlindungan yang diberikan kepada Anda di bawah Polisi ini akan luput/tamat dalam keadaan berikut:

- (i) Apabila Anda di bawah pelan kanak-kanak dan telah mencapai umur lapan belas (18) tahun, atau apabila tamatnya polisi tahunan kanak-kanak; atau
- (ii) Apabila Anda di bawah pelan dewasa telah mencapai umur tujuh puluh satu (71) tahun, atau apabila tamatnya polisi tahunan dewasa; atau
- (iii) Apabila Anda mengalami kematian.

7. Kewajipan Pendedahan

(a) Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya pemegang polisi memohon Insurans ini sepenuhnya bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan perniagaan atau profesion pemegang polisi, pemegang polisi mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Syarikat dengan penuh dan tepat serta mendedahkan apa-apa perkara lain yang pemegang polisi ketahui ada berkaitan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatian kontrak. Kewajipan pendedahan ini berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.

(b) Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Menurut perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, pemegang polisi memohon Insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion pemegang polisi, pemegang polisi mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang pemegang polisi tahu sebagai berkaitan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai yang berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatian kontrak. Kewajipan pendedahan ini berterusan sehingga masa kontrak dibuat, diubah atau diperbaharui.

(c) Pemegang polisi juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada Kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, jika sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

8. Cukai Berkenaan

Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa dan sebarang duti, cukai, levi, atau apa-apa juga impos (dirujuk secara kolektif sebagai "Cukai Berkenaan") yang diperkenalkan oleh sebarang pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undangundang Malaysia yang berkaitan dengan pembekalan sebarang barang dan/atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah polisi ini, Kami berhak mengenakan sebarang Cukai Berkenaan yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Cukai Berkenaan yang perlu dibayar akan dibayar sebagai tambahan kepada premium dan caj-caj lain yang berkenaan. Semua peruntukan dalam polisi ini mengenai pembayaran premium dan keingkaran akan turut digunakan dengan Cukai Berkenaan.

9. Tunai Sebelum Perlindungan

- (a) Ini adalah syarat asas dan mutlak yang khusus di bawah polisi ini bahawa premium mestilah dibayar dan diterima oleh Kami sebelum perlindungan bermula. Jika syarat ini tidak dipatuhi, maka polisi yang diperbaharui akan terbatal dari tarikh bermulanya polisi.

10. Bayaran Faedah

- (a) Bayaran apa-apa faedah di bawah polisi ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat di sini. Faedah yang perlu dibayar di bawah polisi ini akan dibayar kepada Anda. Faedah yang perlu dibayar di bawah polisi ini berkenaan dengan sebarang tuntutan oleh atau bagi mana-mana anak/kanak-kanak yang diinsuranskan di bawah ini hendaklah dibayar kepada Anda yang telah membeli Polisi tersebut, dengan syarat Anda mempunyai kepentingan yang boleh diinsuranskan terhadap anak/kanak-kanak tersebut.
- (b) Sebarang faedah yang dibayar di bawah polisi ini sekiranya berlaku kematian Anda hendaklah dibayar kepada individu sebagaimana yang diarahkan oleh Anda secara bertulis atau kepada wakil peribadi sah Anda jika tiada arahan bertulis daripada Anda.
- (c) Sekiranya faedah dibayar untuk membayar balik sebarang perbelanjaan atau caj yang ditanggung oleh orang selain Anda yang dilindungi di bawah polisi ini, tuntutan untuk pembayaran faedah tersebut akan dibuat oleh Anda.
11. Kami tidak akan bertanggungjawab atas kegagalan untuk menyediakan perkhidmatan di bawah polisi ini atau untuk penangguhan yang disebabkan oleh serangan atau syarat di luar kawalan Kami, tetapi tidak terhad kepada keadaan penerbangan atau di mana undang-undang tempatan atau agensi kawal selia melarang Kami daripada membuat perkhidmatan sedemikian.

12. Tambahan Tempoh Insurans

Tempoh Insurans bagi polisi ini akan dilanjutkan secara automatik tanpa sebarang tambahan premium bagi setiap tambahan hari yang munasabah sehingga:

- (a) Empat belas (14) hari sekiranya sebarang kendaraan, kapal laut atau kapal terbang di mana Anda dalam perjalanan sebagai penumpang yang memegang tiket yang telah tertunda/terbatal perjalannya atau dijadualkan semula;
- (b) Tiga puluh (30) hari jika perjalanan balik Anda yang dirancang terhalang akibat dari kecederaan yang timbul dari sebab yang dilindungi di bawah polisi ini.
- (c) Empat belas (14) hari untuk satu (1) Teman Perjalanan (yang juga dinamakan sebagai Orang Yang Diinsuranskan di bawah jadual/ejadual) yang bersama Anda jika Perjalanan/Lawatan Anda terhalang disebabkan Kecederaan.
- (d) Empat belas (14) hari untuk semua Orang Yang Diinsuranskan di bawah pelan keluarga yang sama yang turut serta bersama Anda jika Anda terhalang pulang disebabkan kecederaan,

13. Kami hendaklah diberi hak keatas semua kuasa subrogasi (berkenaan dengan pampasan yang dibayar kepada Anda di bawah polisi ini) sama ada dengan cara tanggung rugi atau sebaliknya dan Anda hendaklah memberikan semua maklumat dan memberikan segala bantuan mengikut kemampuan Anda kepada Kami berhubung dengan perkara tersebut dan melaksanakan tugasantugasan yang berkaitan seperti apa yang diperlukan semunasabahnya oleh Kami.

14. PA-CL090 Limit Sekatan dan Klausu Pengecualian

Tiada penanggung insurans/penanggung insurans bersama dianggap sebagai memberikan perlindungan dan tiada penanggung insurans/penanggung insurans bersama bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberi apa-apa faedah di bawah ini yang berkaitan, dimana

pembayaran tuntutan atau provisi untuk faedah berkaitan akan mendedahkan penanggung insurans/penanggung insurans bersama itu kepada apa-apa sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan, ekonomi atau undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

BAHAGIAN 3 PENGECAULIAN AM

1. Kami tidak akan membayar tuntutan yang disebabkan oleh atau yang menyebabkan:
 - (a) Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, perrusuhan atau operasi peperangan (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, keganasan, kuasa ketenteraan atau rampasan kuasa, pemerintahan tentera atau sebab yang menentukan pengisytiharan darurat atau pengekalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan tentera, rusuhan atau kekacauan awam, sekat-masuk atau ancaman peristiwa yang seumpamanya;
 - (b) Penangguhan, rampasan, penahanan, rekuisisi, kerosakan, kemusnahan atau apa-apa peraturan larangan oleh kastam atau pegawai-pegawai kerajaan lain atau pihak berkuasa mana-mana negara;
 - (c) Radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa sisa nuklear yang terhasil akibat pembakaran bahan bakar nuclear;
 - (d) bahan letupan toksik radioaktif atau bahan-bahan berbahaya lain daripada apa-apa pemasangan bahan letupan nuklear atau komponen nuklear dan yang seumpamanya;
 - (e) kehilangan atau kerosakan pada peralatan yang disewa atau dipajak;
 - (f) aktiviti luar pesisir seperti menyelam bukan rekreasi, perlombongan, aktiviti di pelantar minyak, fotografi udara atau mengendalikan bahan letupan;
 - (g) Anda melibatkan diri dalam sebarang aktiviti ketenteraan laut, ketenteraan darat, ketenteraan udara, penguatkuasa undang-undang atau perkhidmatan pertahanan awam atau operasi semasa Perjalanan/Lawatan;
 - (h) penglibatan Anda dalam penerbangan, selain daripada penumpang yang membayar tambang;
 - (i) penyertaan langsung anda dalam mana-mana Akta Keganasan;
 - (j) sebarang kerugian akibat pertukaran mata wang dan yang seumpamanya;
 - (k) perkhidmatan yang diberikan tanpa kebenaran dan/atau campur tangan Kami;
 - (l) HIV (Virus Kurang Daya Tahan Penyakit) dan/atau mana-mana penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) walauapun puncanya dan/atau apa-apa derivatif mutan, varisi atau rawatanya walau apa pun puncanya;
 - (m) rawatan atau perkhidmatan yang disediakan oleh spa kesihatan, rumah penjagaan atau pemulihan atau mana-mana pusat pemulihan;
 - (n) Anda yang telah menerima diagnosis terminal;
 - (o) Anda membuat perjalanan bertentangan dengan nasihat pengamal perubatan atau di atas nasihat perubatan di mana perjalanan dibuat semata-mata dengan tujuan untuk mendapatkan rawatan;
 - (p) Anda gagal untuk mendapatkan pemvaksinan yang diperlukan sebelum berlepas;
 - (q) Anda membunuh diri, mencederakan diri atau sengaja mendedahkan diri kepada bahaya selain dari cubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia atau melakukan perbuatan jenayah;

- (r) Anda di bawah pengaruh dadah atau penyalahgunaan bahan lain selain yang dipreskripsi oleh pengamal perubatan tetapi tidak apabila dipreskripsi untuk rawatan ketagihan dadah;
 - (s) Kandungan alkohol dalam sampel darah/urin yang melebihi limit yang dibenarkan oleh undangundang
 - (t) sebarang kos rawatan yang berkaitan dengan kehamilan, melahirkan anak, keguguran, pengguguran dan semua komplikasi yang berkaitan, kecuali untuk keguguran disebabkan Kecederaan anggota badan akibat Kemalangan;
 - (u) Penyakit Sedia Ada;
 - (v) Penyakit atau gangguan psikologi, gangguan mental dan saraf, termasuk tetapi tidak terhad kepada kegilaan;
 - (w) Menunggang/memandu tanpa lesen memandu yang sah (NOTA: ini tidak akan terpakai bagi lesen telah loput tetapi tidak dibatalkan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu sedemikian di bawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atau mana-mana undang-undang lain yang berkaitan).
2. Kami tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang tuntutan yang timbul daripada:
- (a) Anda yang menyertai aktiviti berbahaya, melainkan sukan tersebut telah dilindungi di bawah Sukan Tambahan (Rider Pilihan) yang telah dibeli oleh Anda;
 - (b) Anda yang terlibat dalam latihan, mengambil bahagian atau berlatih di mana-mana pertandingan kelajuan atau perlumbaan, mana-mana pertandingan profesional atau sukan atau mana-mana sukan di mana Anda akan mendapat atau boleh mendapat atau menerima bayaran, penajaan, sumbangan atau apa-apa bentuk ganjaran kewangan.
3. Klausus Risiko Siber – Gantirugi yang dinyatakan dalam Seksyen 5 tidak akan diguna pakai bagi liabiliti yang berkenaan dengan apa-apa tuntutan atau kerugian yang timbul daripada sebarang aktiviti dan/atau perniagaan yang dijalankan dan/atau perniagaan menerusi internet, extranet dan/atau melalui laman web Orang Yang Diinsuranskan sendiri, laman internet, alamat web dan/atau melalui penghantaran dokumen elektronik.

BAHAGIAN 4 TUNTUTAN

Langkah Penjagaan Yang Munasabah

Orang Yang Diinsuranskan mesti melakukan kemungkinan yang munasabah untuk mengelakkan kerugian, atau apabila terjadi kerugian, memastikan kerugian tersebut dapat dikurangkan. Jika Orang Yang Diinsuranskan tidak bebuat demikian, Kami berhak untuk mengurangkan tuntutan Orang Yang Diinsuranskan dengan jumlah yang menjelaskan Kami kerana kegagalan Orang Yang Diinsuranskan untuk mengurangkan kerugian, atau menolak tuntutan keseluruhan Orang Yang Diinsuranskan.

Senarai semak mengenai Dokumen Tuntutan Yang Diperlukan

Seksyen/Faedah	Tindakan/Dokumen diperlukan
Perubatan Kemalangan Diri berkaitan perubatan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Laporan Perubatan atau Sijil Kematian 2. Bil/Resit Perubatan asal 3. Nota atau ringkasan Kemasukan/Keluar Hospital
Kelewatan perjalanan Kelewatan bagasi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengesahan bertulis dari Pengangkut/Pengangkut Berjadual mengenai tempoh kelewatan(dalam bilangan jam), tarikh dan masa sebenar keberangkatan dan sebab-sebab kelewatan/terlepas keberangkatan/ sambungan 2. Resit asal perbelanjaan tambahan untuk penginapan & perjalanan

Sebagai tambahan kepada dokumen-dokumen yang disenaraikan dalam jadual di atas, Orang Yang Diinsuranskan juga perlu memberikan kepada Kami sebarang dokumen yang lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Kami dan hendaklah dalam apa-apa bentuk dan apa-apa jenis yang ditetapkan oleh Kami.

BAHAGIAN 5 DEFINISI

KEMALANGAN bermaksud sebarang peristiwa mengejut atau tidak diduga dan peristiwa ganas terjadi secara langsung dan secara tidak langsung daripada tindakan punca luaran yang jelas selain daripada akibat perbuatan kecederaan diri yang disengajakan.

AKTA KEGANASAN adalah suatu perbuatan, termasuk secara paksaan atau kekerasan, oleh mana-mana orang atau sekumpulan orang, sama ada bertindak secara bersendirian atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi, yang dilakukan bagi tujuan politik, agama atau ideologi termasuk berniat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletakkan penduduk awam dalam ketakutan bagi tujuan tertentu.

PERUBATAN ALTERNATIF bermaksud rawatan yang dijalankan oleh seorang pengamal perubatan tradisional, selain Anda. Pengangkut Berjadual bermaksud mana-mana pengangkut darat, laut atau udara dikendalikan di bawah lesen dan menyediakan perkhidmatan pengangkutan berjadual yang teratur bagi individu yang melakukan perjalanan sebagai penumpang yang membayar tambang.

SYARIKAT bermaksud Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (735426-V).

PENGENDORSAN bermaksud penjelasan lanjut atau terma lanjut yang dipersetujui oleh Kami yang diselaraskan bersama atau terma yang ditukar berlainan daripada polisi dan/atau jadual/ejadual.

AHLI KELUARGA bermaksud satu (1) pasangan yang sah dipilih oleh pemegang polisi suami/isteri, ibu bapa, ibu bapa mertua, datuk,nenek, datuk nenek mertua, moyang, anak kandung/anak angkat secara sah, cucu,cicit, adik beradik, abang ipar,adik ipar dan kakak ipar.

AKTIVITI BERBAHAYA bermaksud mendaki gunung, turun gunung atau memanjat batu yang memerlukan penggunaan tali dan peralatan pendakian yang lain, menembak paintball, memanjat dalam ruangan tertutup, terbang atau aktiviti udara lain, perlumbaan, aktiviti sukan profesional dan apa-apa jenis pertandingan, apa-apa aktiviti percutian sukan yang ditaja dan apa-apa aktiviti lain yang memerlukan tahap kemahiran tertentu dan melibatkan pendedahan kepada risiko.

RUMAH bermaksud tempat kediaman Anda di Malaysia

DI NEGARA SENDIRI bermaksud Malaysia

KECEDERAAN bermaksud kecederaan anggota badan yang disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh Kemalangan.

ORANG YANG DIINSURANSKAN bermaksud setiap orang yang dinamakan dalam jadual/ejadual dan mestilah warganegara Malaysia, pemastautin tetap Malaysia, pemegang permit kerja yang sah, pemegang pas pelajar yang sah atau orang yang bekerja secara sah di Malaysia dan/atau suami/isterinya dan/atau anak/kanak-kanak yang bermastautin di Malaysia. Yang sebagaimana dinamakan di dalam jadual/ejadual.

PERJALANAN/LAWATAN bermaksud Perjalanan/Lawatan bermula apabila Anda berangkat dari Rumah Anda atau tempat perniagaan di Negara Sendiri (yang mana-mana kemudiannya) untuk memulakan perjalanan ke destinasi yang dimaksudkan, dengan syarat bahawa Perjalanan/Lawatan tidak bermula lebih dari dua puluh empat (24) jam sebelum tempahan atau waktu berlepas yang dijadualkan sehingga Anda kembali ke Rumah Anda atau tempat perniagaan di Negara Sendiri dan terhenti pada mana-mana yang berlaku terlebih dahulu:

- (i) Anda telah kembali ke Rumah atau tempat perniagaannya di Negara Sendiri;
- (ii) Tempoh Insurans tamat seperti yang dinyatakan dalam jadual/ejadual.

Tempoh untuk setiap Perjalanan/Lawatan tidak boleh melebihi tiga puluh (30) hari berturut-turut dari tarikh permulaan Perjalanan/Lawatan.

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, semua Perjalanan/Lawatan ke destinasi yang dimaksudkan di dalam Malaysia untuk tujuan riadah atau perniagaan dan tidak termasuk apa-apa perjalanan harian dan biasa.

PENGAMAL PERUBATAN bermaksud Pengamal Perubatan yang berkelayakan (selain daripada Anda) yang mempunyai lesen dan berdaftar untuk mengamalkan perubatan moden yang memberikan rawatan, mengamalkan mengikut skop pelesenan dan latihannya dinegara di mana rawatan disediakan.

TEMPOH DIINSURANS bermaksud tempoh yang dinyatakan dalam Jadual/eJadual.

PENYAKIT SEDIA ADA bermaksud sebarang keadaan bagi rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis, konsultasi dan/atau ubat-ubatan yang ditetapkan atau diterima dalam tempoh dua belas (12) bulan sebelum Perjalanan / Lawatan yang dimulakan.

KEADAAN PERUBATAN YANG SERIUS bermaksud keadaan di mana pada pendapat pihak Kami atau Wakil Kami Yang Dibenarkan atau wakil yang diberi kuasa merupakan kecemasan perubatan yang serius atau mengancam nyawa yang memerlukan pemindahan serta merta bagi mendapatkan rawatan pemulihan segera untuk mengelakkan belakunya kematian atau gangguan serius kepada prospek keishitan Anda dalam tempoh terdekat atau dalam jangka yang panjang.

TEMAN PERJALANAN bermaksud individu yang didaftarkan bersama dalam Perjalanan/Lawatan yang sama dengan Anda.

ANDA/KAMU bermaksud Orang Yang Diinsuranskan.

KAMI/KITA bermaksud Syarikat.

Penyerahan Aduan

Kami berdedikasi untuk meningkatkan dan mengekalkan tahap perkhidmatan yang tinggi, jujur, penuh kebolehpercayaan dan amanah. Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan mana-mana produk atau perkhidmatan kami, kami ingin mendengarnya daripada anda. Maklum balas anda sangat penting kepada kami kerana kami sentiasa mencari peluang untuk memperbaiki mutu perkhidmatan kami.

Untuk memberi sebarang maklum balas, anda bolehlah menghubungi kami melalui saluran-saluran berikut:

Secara bertulis:

Pusat Maklumbalas Pelanggan, Allianz Arena, Tingkat Bawah Blok 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

 1 300 22 5542   AllianzMalaysia  customer.service@allianz.com.my  allianz.com.my

Saluran untuk Penyelesaian Aduan

Anda boleh mengemukakan aduan anda kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) jika anda tidak berpuas hati dengan balasan atau keputusan akhir kami sekiranya aduan anda berada di dalam skop OPK serta ambang monetari berikut:

- (1) Tuntutan insurans tidak melebihi RM250,000.00; dan
- (2) Kerosakan harta pihak ketiga bagi tuntutan insurans motor tidak melebihi RM10,000.00.

OFS boleh dihubungi di alamat berikut:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan, Level 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

 03 2272 2811  03 2272 1577  enquiry@ofs.org.my  www.ofs.org.my

Jika aduan anda berada di luar bidang OPK, anda bolehlah merujuk aduan anda kepada Laman Maklumat Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia (BNM) di alamat berikut:

Secara Bertulis (BNMTELELINK):

Pengarah, LINK & Pejabat BNM, Bank Negara Malaysia, Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur.

Secara Bersemuka (BNMLINK):

Tingkat Bawah, Blok D, Bank Negara Malaysia, 50480 Kuala Lumpur.

 1 300 88 5465  03 2174 1515  bnmtelelink@bnm.gov.my  www.bnm.gov.my

Anda boleh merujuk dengan Pusat Maklumbalas Pelanggan kami mengenai jenis aduan yang dikendalikan oleh OPK atau BNM sebelum mengemukakan aduan anda kepada mereka.

Wakil Sah Talian Kecemasan 24-Jam

**603-7628 3919
603-7965 3919**

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (200601015674)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Pusat Khidmat Pelanggan Allianz

Allianz Arena, Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Putus Hubungan Pelanggan Allianz: 1 300 22 5542 Emel: customer.service@allianz.com.my   AllianzMalaysia  allianz.com.my